

## UTHM diiktiraf Tier 4 D-Setara

PENGIKTIRAFAN taraf tier empat (sangat baik) dalam Sistem Penarafan Disiplin Pengajian (D-Setara) yang diperolehi Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) bagi bidang kejuruteraan membuktikan keunggulan UTHM dalam pengajian bidang kejuruteraan di negara ini.

Keputusan penarafan D-setara ini telah diumumkan Menteri Pengajian Tinggi, **Datuk Seri Mohamad Khaled Nordin** dalam Majlis Amanat 2013 Menteri Pengajian Tinggi di Putrajaya baru-baru ini.

Penilaian D-setara yang dilaksanakan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) ini dibahagikan kepada empat bidang pengajian iaitu kejuruteraan, perubatan, farmasi dan pergigian, hospitaliti dan pelancongan serta sains perubatan.



**MOHD. NOH  
DALIMIN**

Naib Canselor UTHM, **Profesor Datuk Dr. Mohd. Noh Dalimin** berkata, beliau bersyukur dengan pengiktirafan yang dicapai oleh UTHM ini.

"Pengiktirafan ini membuktikan bahawa UTHM adalah sebuah IPTA pilihan terbaik bagi pelajar yang ingin melanjutkan pengajian dalam bidang kejuruteraan"

"Sebagai sebuah IPTA berfokus, UTHM sememangnya mempunyai kekuatan tersendiri dalam bidang pengajian berteraskan teknikal dan kejuruteraan sejak penubuhannya 20 tahun yang lalu," katanya.

Mohd Noh berkata, kesemua tiga bidang kejuruteraan utama yang ditawarkan di UTHM iaitu kejuruteraan awam dan alam sekitar, elektrik dan elektronik serta mekanikal dan pembuatan telah berjaya mendapat pengiktirafan Institution of Engineers Malaysia (IEM) dan Engineering Accreditation Commission (EAC) serta mematuhi piawaian Washington Accord.

Katanya, pelajar juga didedahkan dengan profesyen kejuruteraan dari awal lagi melalui pendekatan pembelajaran yang 'hands on' serta penglibatan dalam briged-briged kejuruteraan yang ditubuhkan seperti 'Construction Brigade'.

"Sebelum ini UTHM turut melakar pencapaian membanggakan melalui penarafan lima bintang (cemerlang) dalam penilaian Setara 2011. Ini membuktikan bahawa UTHM sentiasa komited dan konsisten dalam memurni dan meningkatkan input, proses dan output penawaran program-program pengajian khususnya bidang kejuruteraan ini," katanya.

Dalam pada itu, Mohd. Noh menambah, program kejuruteraan awam dan alam sekitar UTHM merupakan program kejuruteraan pertama di negara ini yang diberikan penarafan bagi tempoh lima tahun oleh Lembaga Jurutera Malaysia.